BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 12/11/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Jumaat, 30 Disember 2011

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
November 2011

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3.3% pada bulan November, mencerminkan terutamanya inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*. Kadar kenaikan harga makanan adalah lebih perlahan disebabkan oleh inflasi yang lebih rendah dalam subkategori *daging* dan *sayur-sayuran* yang telah mengimbangi inflasi yang lebih tinggi dalam subkategori *makanan di luar rumah* dan *beras, roti dan bijirin lain*. Kenaikan harga dalam subkategori *beras, roti dan bijirin lain* disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga beras diimport. Deflasi dalam kategori *komunikasi* juga telah menyumbang kepada penurunan inflasi.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank stabil pada bulan November. Dari segi kadar runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada 6.54% pada akhir bulan tersebut. Kadar deposit runcit juga stabil. Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu 12.4% pada bulan November. Pada asas bulanan, peningkatan M3 disokong oleh pemberian kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat sebanyak RM16.8 bilion pada bulan November, disebabkan oleh pinjaman sistem perbankan terkumpul yang bertambah dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) bersih yang lebih tinggi. Peningkatan yang berterusan juga dicatat oleh sistem perbankan dalam pinjaman kepada perusahaan perniagaan, terutamanya kepada sektor *pendidikan, kesihatan dan lain-lain*; *pembinaan* dan *harta tanah*. Pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat dengan stabil, didorong terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman*. Permintaan terhadap pinjaman meningkat dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya daripada sektor perniagaan.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) kekal pada paras kukuh iaitu masing-masing pada 14.8% dan 12.7%. Paras pinjaman terjejas bersih terus stabil pada 2% daripada jumlah pinjaman bersih, manakala nisbah perlindungan kerugian kekal tinggi pada 96.3%.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Ringgit menambah nilai berbanding dengan euro dan dolar Singapura, tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), yen Jepun dan renminbi China. Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS secara amnya sejajar dengan trend serantau, ekoran ketidakpastian yang menyelubungi krisis hutang kerajaan Eropah yang telah menyebabkan pelabur menjual pegangan aset pasaran sedang pesat membangun. Pada bulan Disember, pasaran kewangan global kekal tidak menentu dan perkembangan ini telah menjejaskan prestasi mata wang serantau termasuk ringgit. Pada minggu pertama bulan Disember, ringgit dan kebanyakan mata wang serantau menambah nilai berbanding dengan mata wang utama disebabkan oleh minat pelabur yang semakin pulih susulan pengumuman langkah terlaras bank-bank pusat pada 30 November 2011 untuk meningkatkan sokongan mudah tunai kepada sistem kewangan global. Walau bagaimanapun, trend penambahan nilai ini kemudiannya bertukar arah berikutan ketidakpastian yang berpanjangan mengenai keadaan hutang kerajaan Eropah. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM429.8 bilion (bersamaan dengan USD135 bilion) pada 15 Disember 2011. Paras ini memadai untuk membiayai 9.8 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
30 Disember 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
November 2011

Inflasi menjadi sederhana pada bulan November

Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen



* Lain-lain termasuk *perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau; pendidikan; kesihatan; hiasan; perkakasan dna penyelenggaraan isi rumah; komunikasi; pakaian dan kasut* dan *pelbagai barang dan perkhidmatan*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Antara Bank Semalaman Purata



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Antara Bank Purata



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Deposit Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan wang secara luas meningkat

M1 dan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penyumbang Utama Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan kukuh pada bulan November

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan terkumpul dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta



* Tidak termasuk terbitan asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Perlindungan Kerugian Pinjaman



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding dengan rakan perdagangan utama

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Sept 11		Okt 11		Nov 11	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		88.1	53.0	88.6	51.6	88.1	52.9
M1		241.9	13.3	248.3	16.6	250.2	13.8
M2		1,163.1	13.0	1,158.5	11.8	1,186.2	12.8
M3		1,187.8	12.5	1,184.6	11.4	1,213.0	12.4
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		1,292.6	13.4	1,298.4	12.7	1,315.2	13.3
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.9		82.5		81.7	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		87.9		88.5		87.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		56.8	6.1	63.4	5.6	64.8	15.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		30.5	5.2	32.6	7.3	35.9	18.9
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		68.3	14.1	65.0	6.5	71.0	10.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		62.6	12.9	62.0	16.2	63.3	10.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.7		15.1		14.8	
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (%)		2.0		1.9		2.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		417.1		429.1		429.1	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		131.0		134.8		134.8	
Bilangan bulan import tertangguh		9.7		9.9		9.8	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.00	
Antara bank:	Semalaman	2.99	[2.98]	2.99	[2.98]	3.00	[2.99]
	1 minggu	3.02	[3.01]	3.01	[3.01]	3.01	[3.01]
	1 bulan	3.09	[3.06]	3.06	[3.05]	3.05	[3.05]
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.95		2.95		2.95	
	3 bulan	3.00		2.99		2.99	
BLR bank perdagangan		6.54		6.54		6.54	
ALR bank perdagangan		5.05		5.03		5.06	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		103.8	3.4	104.0	3.4	104.1	3.3

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang sw asta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kew angan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang sw asta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia